

SOALAN NO.: 50

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. TUAN MANIVANNAN A/L  
GOWINDASAMY  
KAWASAN : KAPAR  
TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**YB. TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY** minta **MENTERI  
KERJA RAYA** menyatakan:-

- a) senarai nama jalan-jalan Persekutuan yang diturap, dibaikpulih dan/atau dibina untuk tempoh masa 1 Januari 2015-31 Disember 2015, 1 Januari 2016-31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017-30 September 2017 di seluruh Parlimen Kapar secara terperinci; dan
- b) jumlah kos yang diperuntukkan dan jumlah kos yang dibelanjakan untuk menurap, membaikpulih dan/atau membina jalan-jalan Persekutuan untuk tempoh masa 1 Januari 2015-31 Disember 2015, 1 Januari 2016-31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017 -30 September 2017 di seluruh Parlimen Kapar secara terperinci.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan-jalan Persekutuan yang telah diselenggara di kawasan Parlimen Kapar daripada 1 Januari 2015 sehingga 30 September 2017 adalah :-

- i. Jalan Klang – Sabak Bernam, FT05 sepanjang 23.0 km iaitu dari Seksyen 435 hingga 458;
- ii. Jalan Pintas Selat Klang Utara (Jalan Persiaran Hishamuddin), FT20 sepanjang 8.0 km, dan
- iii. Jalan Masuk Kawasan Perindustrian Meru, FT3217 sepanjang 17.8 km.

Jumlah kos yang dibelanjakan untuk menurap, dan membaikpulih jalan-jalan Persekutuan untuk tempoh masa 1 Januari 2015 - 31 Disember 2015 adalah sebanyak **RM1.9 juta** yang merangkumi Jalan FT05 sebanyak RM 1.4 juta dan FT 3217 sebanyak RM 500 ribu.

Manakala bagi 1 Januari 2016-31 Disember 2016 jumlah kos yang dibelanjakan untuk menurap, membaikpulih dan/ jalan-jalan Persekutuan adalah sebanyak **RM3.3 juta** yang merangkumi Jalan FT 05 sebanyak RM 2.8 juta dan FT3217 sebanyak RM 532 ribu.

Bagi 1 Januari 2017 -30 September 2017 jumlah kos yang dibelanjakan untuk menurap, membaikpulih dan/ jalan-jalan

97

Persekutuan adalah sebanyak **RM7.3 juta** merangkumi jalan FT05 sebanyak RM 1.0 juta, FT20 sebanyak RM6.0 juta dan FT3217 sebanyak RM 300 ribu.

Secara keseluruhannya sebanyak **RM12.5 juta** telah dibelanjakan sepanjang tahun 2015 hingga 2017 bagi 3 jalan persekutuan di kawasan Parlimen Kapar.

Sekian, terima kasih.